

# Lelaki kutip derma guna nama mufti ditahan

**SHAH ALAM** - Selepas dua bulan bermaharajalela mengutip sumbangan wang secara haram daripada orang ramai kononnya untuk membiayai sumber kewangan melanjutkan pelajaran ke sebuah universiti terkemuka di Jordan, kelmarin, kegiatan itu terbongkar apabila ia dikesan palsu.

Meskipun mendakwa tindakannya itu sah kerana mendapat kebenaran Jabatan Mufti Selangor dan menggunakan kepala surat jabatan itu, namun perkara itu disangkal sama sekali oleh Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abd Wahid dalam akhbar ini 13 Mei lalu.

Bagi membendung kegiatan itu daripada terus berleluasa, sepasukan pegawai dan ahli jawatankuasa Surau Al-Ikhsan, Taman Desa Minang, Batu Caves bertindak menahan seorang lelaki berusia lingkungan 26 tahun sebelum membuat laporan polis, kelmarin.

Sebelum itu, lelaki berkenaan mendakwa dia merupakan pelajar Maahad Tahfiz Darul Quran, Kuala Kubu Baru tetapi apabila semakan dilakukan daripada pusat pengajian terbabit menunjukkan dia langsung tidak pernah mendaftarkan diri di situ.

Sebaliknya, dia mempunyai agenda tersendiri bagi memenuhi kantungnya dalam perbelanjaan seharian.

Berikutan tindakan tersebut, satu laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Gombak agar kegiatan sebegini dapat dibendung daripada berleluasa.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Selangor, Asisten Komisioner Mohamad Karim Abu ketika dihubungi Sinar Harian mengesahkan satu laporan berkenaan kejadian tersebut telah dilakukan.

"Polis telah menahan seorang lelaki berusia lingkungan 26 tahun kerana didakwa menjalankan kegiatan itu.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun dan denda jika sabit kesalahan," jelasnya.

Jelasnya sehingga kini polis sedang mengesahkan sama ada kes tersebut melibatkan sindiket tertentu ataupun tidak.